

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN PANGKALAN UDARA KUCHING 1439H/2018M

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3547-majlis-khatam-al-quran-pangkalan-udara-kuching-1439h-2018m](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3547-majlis-khatam-al-quran-pangkalan-udara-kuching-1439h-2018m)

KUCHING, 6 Jun 18 – Komander Pangkalan Udara Kuching telah sudi hadir ke Majlis Khatam Al-Quran bagi tahun 1439H/2018M yang diadakan di Surau Al-Jahirah, Pangkalan. Majlis Khatam Al-Quran pada kali ini telah dipimpin oleh Pegawai Agama Pangkalan, Kapt Hassan Zuhdi bin Daud bersama-sama dengan 22 orang peserta Tadarus Al-Quran yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran sepanjang bulan Ramadhan selepas solat Zohor dan Isyak. Dengan adanya program ini peserta dapat meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dan memantapkan sebutan makhraj beserta dengan tajwid. Penyampaian cenderahati kepada peserta Tadarus Al-Quran dan juga imam dan bilal bertugas sepanjang Ramadhan telah disempurnakan oleh Komander PU Kuching, Kol Masro bin Kaliwon TUDM.



